

06 OCT 1999

MAHATHIR-BELANJAWAN

BELANJAWAN 2000 ADALAH BELANJAWAN PEMULIHAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Belanjawan tahun depan akan merupakan satu belanjawan pemulihan untuk menggerakkan kembali ekonomi kepada asas yang kukuh.

"Saya boleh memberi jaminan bahawa segala usaha akan dilakukan untuk membolehkan ekonomi kembali pada asas yang kukuh agar setiap orang akan menikmati kemakmuran di negara ini," kata beliau pada persidangan berita di lapangan terbang Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Subang sekembalinya dari Zimbabwe.

Belanjawan 2000 akan dibentangkan di Parliamen pada 29 Okt ini.

Merujuk kepada pertumbuhan ekonomi negara, Dr Mahathir berkata jawatankuasa eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara telah meneliti perangkaan suku ketiga berdasarkan bulan ke bulan.

"Dan perangkaan itu agak baik. Saya dapat bayangkan bahawa kita boleh mencapai pertumbuhan satu peratus menjelang akhir tahun ini," katanya.

Kerajaan telah menetapkan kadar pertumbuhan yang konservatif sebanyak satu peratus bagi tahun ini selepas mengalami pengucupan 7.5 peratus tahun lepas.

Bagaimanapun, beberapa ahli ekonomi meramalkan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia boleh melebihi lima peratus tahun ini.

-- BERNAMA

MOT SHY AKD